

13/12/2000

Kontrak sosial tunjang Perlembagaan

SEREMBAN, Selasa - Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan usaha Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina (Suqiu) mencabar kontrak sosial sebagai percubaan menghidupkan semula konsep Malaysian Malaysia.

Beliau berkata, tuntutan utama Suqiu untuk menghapuskan pengenalan Bumiputera dan bukan Bumiputera serta melaksanakan dasar meritokrasi adalah penjelmaan konsep itu yang ditolak ketika merdeka.

Najib mengingatkan Suqiu bahawa kontrak sosial adalah tunjang kepada Perlembagaan dan segala dasar dijalankan di negara ini.

Katanya, intipati kontrak sosial ialah orang Cina mendapat kerakyatan secara beramai-ramai dan orang Melayu mendapat perlindungan menerusi hak keistimewaan dalam Perlembagaan.

"Ini bertujuan membetulkan kepincangan yang berlaku tanpa merampas hak orang Cina yang selama ini maju dalam perniagaan dan orang Melayu mendapat pembelaan melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pendidikan Kebangsaan," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan masjid Kampung Sungai Machang Ulu, Lenggeng dekat sini, malam tadi, katanya bukan semua tuntutan Suqiu tidak dipersetujui.

Semalam ketika sesi soal jawab di Dewan Rakyat, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tuntutan Suqiu jika dipenuhi menyebabkan negara tidak lagi aman dan maju.

Ini kerana kerajaan terpaksa mengeneipkan Perlembagaan dan membelakangkan kontrak sosial yang menjadi asas negara ini.

Najib berkata, kerajaan boleh menerima tuntutan seperti memerangi rasuah dan amalan demokrasi tetapi tidak menerima sama sekali jika menyentuh kontrak sosial.

Katanya, kontrak sosial berjaya memajukan negara dan memupuk keharmonian antara kaum.

"Oleh itu, adalah tidak wajar Suqiu cuba mengungkitkan atau memansuhkan kontrak sosial dan digantikan kontrak baru yang mungkin mencetuskan pergaduhan kaum," katanya.

Beliau juga memberi amaran bahawa kerajaan akan memerangi semua bentuk pelampau sama ada di kalangan orang Melayu atau bukan Melayu.

Sementara itu, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata penjelasan panjang lebar daripada Dr Mahathir mengenai 17 tuntutan Suqiu sudah cukup memadai dan tidak perlu dibangkitkan lagi oleh mana-mana pihak.

Ketika diminta mengulas mengenai tindakan MCA terhadap isu berkenaan, Dr Ling berkata: "Ini hanya penjelasan daripada Perdana Menteri, tak perlu ada tindakan susulan daripada MCA".

(END)